

20 SEP 1999

Mahathir-Desakan

BN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA DESAKAN, KATA DR MAHATHIR

KANGAR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Barisan Nasional (BN) tidak akan tunduk kepada desakan supaya tuntutan sesuatu pihak dipenuhi sekiranya ia mahukan undi.

"Itu bukan cara kita," kata Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan para pemimpin BN Perlis di Dewan Warisan di sini.

Pengerusi BN itu berkata BN juga tidak akan membuat janji semata-mata untuk meraih undi walaupun menyedari bahawa ia tidak boleh ditunaikan.

"Kalau kita buat begitu, kredibiliti kita akan hilang. Parti lawan boleh janji apa-apa kerana mereka tahu mereka tidak boleh menang," katanya.

Beliau berkata sekiranya BN terperangkap dengan desakan dan berjanji tetapi tidak dapat menunaikannya setelah memenangi pilihan raya, maka akhirnya sokongan terhadapnya akan hilang.

Beliau berkata ada pertubuhan kerajaan menulis surat mengugut wakil-wakil rakyat supaya memenuhi tuntutan mereka sekiranya mahukan undi.

Ada juga persatuan Cina yang menyenaraikan kehendak-kehendak mereka sekiranya kerajaan mahukan undi mereka, katanya.

"Jangan bangkitkan perkara-perkara ini bila pilihan raya dekat," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya parti komponen BN menuntut dan menyokong desakan itu maka akan wujud permusuhan dalam BN dan BN akan gagal dan kalah.

Beliau berkata semua kaum memang tidak pernah berpuas hati dengan kerajaan dan tidak ada kerajaan di dalam dunia ini yang dapat memuaskan hati satu-satu kaum atau semua kaum sama ada kerajaan itu memerintah negara yang mempunyai satu kaum sahaja atau pelbagai kaum.

Parti-parti komponen perlu berhati-hati ketika berhadapan dengan desakan-desakan sedemikian, katanya.

Perdana Menteri berkata parti-parti komponen perlu memberi penerangan tentang sumbangan BN kepada keamanan negara sehingga membolehkan Malaysia dimajukan dan seluruh rakyat akhirnya boleh mendapat nikmatnya.

"Kalau nak complaint boleh complaint. Saya kerja 24 jam sehari tapi gaji saya kecil.

"Hitungkan nikmat yang kita semua terima dari BN," katanya.

Beliau berkata setiap rakyat mendapat nikmat daripada BN.

Sebagai contoh, apabila dilahirkan bayi mendapat nikmat hospital, kemudian nikmat sekolah serta biasiswa.

"Negara aman pun satu nikmat bagi kita. Negara aman, negara makmur dan negara dapat mempertahankan kedaulatannya semuanya kerana BN," katanya.

Oleh itu, kesemua parti komponen BN bertanggungjawab untuk menentukan sama ada negara ini aman atau tidak, sama ada stabil atau tidak, katanya.

Dr Mahathir berkata BN kuat dan kukuh selama ini kerana ia memenangi pilihan raya dengan majoriti dua pertiga atau kadangkala empat perlima.

"Pasal kita kuat, kita berani meneruskan dasar kita dan mencapai kejayaan cemerlang," katanya.

Beliau berkata pelbagai pihak tidak akan takut kepada kerajaan yang lemah, malah mereka berani membuat sesuatu mengikut sesuka hati sehingga boleh menimbulkan ketegangan antara kaum dan rusuhan.

Malaysia, katanya, merupakan satu-satunya negara daripada 200 buah negara di dunia ini yang berani mengatasi masalah kegawatan ekonominya tanpa mengharapkan bantuan asing.

Ini dapat dilakukan kerana kerajaan BN kuat dan kukuh serta mendapat

sokongan bukan sahaja di Parlimen tetapi juga daripada majoriti rakyat negara ini, katanya.

Mengenai rusuhan oleh penyokong bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata tindakan itu tidak akan menjatuhkan kerajaan.

Sebaliknya, ia mungkin menjejaskan ekonomi negara jika pelancong serta pelabur tidak datang dan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh.

Perdana Menteri berkata Barisan Alternatif hanya diwujudkan bertujuan menipu rakyat dan komponennya PAS, DAP, PRM dan Keadilan menipu sesama sendiri.

"Mereka menipu rakyat kononnya konsep barisan itu sama dengan BN dan menipu sesama sendiri kerana masing-masing mempunyai agenda tersendiri seperti PAS hendak menubuhkan negara Islam, DAP Malaysian Malaysia, PRM bertanding pilihan raya tanpa tujuan dan Keadilan hanya untuk membebaskan Anwar dari hukuman penjara," katanya.

Dr Mahathir tiba pagi tadi untuk lawtan dua hari ke Perlis.

-- BERNAMA

JM NMO MAI